

## **Tahap Amalan Pengurusan Kewangan dalam Kalangan Mahasiswa**

**Nurauliani Jamlus Rafdi<sup>1\*</sup>, Nor Suhaily Bakar<sup>1</sup>,  
Safura Ahmad Sabri<sup>1</sup>, Ahmad Faisal Alimi Roshadi<sup>1</sup>**

<sup>1</sup>Universiti Islam Selangor, Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor

\*Pengarang koresponden: [nurauliani@kuis.edu.my](mailto:nurauliani@kuis.edu.my)

### **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap amalan pengurusan kewangan dalam kalangan mahasiswa prasiswazah Universiti Islam Selangor (UIS). Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif berbentuk tinjauan persampelan rawak mudah yang mana instrumen kajian yang digunakan adalah set borang soal selidik yang mengandungi 5 item berskala likert. 310 orang pelajar Diploma dan Ijazah Sarjana Muda di Fakulti Pengurusan dan Muamalah (FPM) UIS yang terlibat dalam kajian ini. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for Social Sciences (SPSS) versi 20 untuk melihat kekerapan dan peratusan. Hasil kajian menunjukkan tahap amalan pengurusan kewangan responden adalah tinggi. Kesimpulannya kajian ini mendapati bahawa mahasiswa mempunyai pandangan positif terhadap amalan pengurusan kewangan.

*Kata kunci: Amalan pengurusan kewangan, Mahasiswa*

## **1. PENDAHULUAN**

Pengurusan kewangan merupakan salah satu perkara penting dalam memastikan kehidupan seharian berjalan dengan lancar. Tidak kira sama ada individu tersebut masih bujang atau sudah berkeluarga. Mahasiswa yang belajar juga perlu memastikan pengurusan kewangan ini dirancang dengan baik agar mereka sentiasa komited dalam pembelajaran dan tidak menjadikan soal kewangan sebagai penghalang untuk berjaya dalam akademik. Hal ini kerana keperluan kewangan semasa menuntut di IPT adalah jauh lebih mahal daripada yang diperlukan di peringkat sekolah. Oleh itu, tuntutan mengurus kewangan mestilah lebih bijak dan berhemah ketika berbelanja untuk mengelakkan daripada melakukan pembaziran wang.

Namun begitu, kos perbelanjaan yang semakin hari semakin meningkat sungguh membebankan mahasiswa yang sememangnya mempunyai kekangan kewangan disebabkan belum bekerja dan belum mempunyai pendapatan. Hal ini dijelaskan oleh Jusoh dan Mohd Noor (1998) di mana mereka menyatakan perbelanjaan seorang individu akan bertambah berikutan perubahan gaya hidup dan kos sara hidup yang semakin meningkat selari dengan kos kewangan bagi pelajar di IPT. Menurut Rubayah et al., (2015), secara putaranya tahap literasi kewangan dalam kalangan pelajar masih dalam keadaan sederhana. Jelas sekali bahawa masih ramai dalam kalangan pelajar tidak mampu menguruskan kewangan dengan baik. Maka tidak hairanlah apabila terdapat segelintir pelajar yang membelanjakan wang kepada perkara yang bukan berkaitan akademik, sebaliknya untuk hiburan seperti melancong bersama rakan-rakan atau membeli barangan yang bukan keperluan (Noor' Alim, 2005).

Kegagalan dalam menguruskan kewangan dalam kalangan mahasiswa adalah berpunca daripada kurangnya pengetahuan berkenaan pengurusan kewangan. Masalah dalam menguruskan kewangan ini cukup sinonim dalam kalangan mahasiswa apatah lagi terdapat kajian seperti Sabri dan McDonald (2010) yang mendapati bahawa majoriti mahasiswa menghabiskan biasiswa atau wang pinjaman pelajaran sebelum semester tamat. Ini berkait rapat dengan corak perbelanjaan kerana mahasiswa itu sendiri yang harus mencorak

perbelanjaan mereka. Ramli (2013) menggariskan berkenaan amalan positif yang harus dipraktikkan mahasiswa dalam menyusun belanjawan peribadi serta menyimpan secara berterusan bagi keperluan mahasiswa jika berhadapan dengan isu kesempitan wang pada masa akan datang. Contohnya seperti berhadapan dengan isu bencana alam atau berhadapan dengan pandemik yang boleh menjejaskan ekonomi mahasiswa tersebut.

Konflik pengurusan kewangan sebenarnya timbul disebabkan wujudnya kekeliruan dalam mengenalpasti antara keperluan dan kehendak dalam kalangan pelajar kerana kurangnya ilmu tentang pengurusan kewangan dalam diri mereka. Kekurangan kemahiran merancang kewangan boleh mendatangkan masalah kewangan kepada individu itu sendiri (Mohamad Fazli et al., 2008). Zuriana dan Rosniyati (2012), mendapati bahawa pendedahan kepada pelajar berkaitan pengurusan kewangan peribadi membantu pelajar menjadi individu yang berkebolehan dan berkeyakinan untuk mengurus dan merancang kewangan mereka. Masalah kewangan yang melanda seseorang individu boleh menyebabkan individu terbabit sentiasa berada dalam keadaan runsing, tertekan dan murung. Untuk itu, kajian ini akan menekankan hal berkaitan tahap amalan pengurusan kewangan dalam kalangan mahasiswa prasiswazah UIS.

Kebiasaannya mahasiswa yang belajar di IPTS memerlukan kewangan yang stabil untuk membayar yuran pengajian dan kos sara hidup yang tinggi berbanding mahasiswa di universiti awam. Kedudukan geografi UIS yang terletak di Bandar Sri Putra, Kajang yang lengkap dengan segala kemudahan serta terdapat banyak kedai dan pasaraya turut menyumbang kepada punca mahasiswa boros serta gagal dalam pengurusan kewangan mereka. Oleh yang demikian, objektif kajian adalah untuk mengenalpasti tahap amalan pengurusan kewangan dalam kalangan mahasiswa di UIS. Mahasiswa yang terlibat dalam kajian ini pula adalah pelajar Diploma dan pelajar Ijazah Sarjana Muda di Fakulti Pengurusan dan Muamalah (FPM), UIS.

## **2. SOROTAN KAJIAN LEPAS**

Dalam dunia yang semakin kedepan dengan kemodenan ini, kita tidak lari dari pelbagai cabaran hidup yang semakin mencabar. Justeru, wujud persoalan sama ada golongan pelajar mampu berhadapan dengan konflik atau isu berkaitan kewangan, iaitu konflik dari segi amalan pengurusan kewangan dan perbelanjaan pada sepanjang tempoh hingga tamat pengajian mereka berikutan cabaran ekonomi semasa yang dilihat tidak konsisten. Bagi pelajar yang mempunyai pengetahuan pengurusan kewangan pula, kebanyakannya tidak menggunakan pengetahuan dan kemahiran yang ada dalam pengurusan kewangan mereka (Sorooshian & Tan, 2014). Ini kerana segelintir pelajar merasakan apabila mereka berada jauh dari keluarga, maka mereka bebas untuk melakukan apa-apa sahaja tanpa diawasi termasuklah perbelanjaan harian yang melampau (Netty Zahura, 2006). Selain itu, kenaikan harga barangan keperluan asas turut memberi kesan yang sangat besar kepada golongan yang masih bergelar mahasiswa yang merupakan golongan yang belum memiliki pendapatan sendiri (Nurhafizah & Muhammad, 2017).

Kajian Zuriana & Rosniyati (2012) mendapati apabila memberi ilmu pengurusan kewangan peribadi kepada pelajar, ini akan membantu pelajar itu menjadi individu yang berhemah dan berkemampuan untuk mengurus dan merancang kewangan mereka. Menurut Brigham et al., (2014), pengurusan kewangan adalah satu seni dan sains mengurus wang yang melibatkan pelbagai penggunaan teori ekonomi dan matlamat perakaunan bagi mencapai matlamat firma dan individu. Ini menunjukkan bahawa pengamalan pengurusan kewangan adalah saling memerlukan dengan pengetahuan dan kemahiran yang diamalkan oleh seseorang individu.

Pengurusan kewangan juga tidak hanya tertumpu kepada individu sahaja tetapi ia juga berperanan bagi memastikan kedudukan kewangan sesebuah negara stabil dan dapat mengurangkan risiko berlakunya krisis kewangan. Di samping itu, mahasiswa di institusi pengajian tinggi diperlihatkan tidak mempunyai kecekapan dalam menguruskan kewangan mereka kerana perbelanjaan yang dibuat oleh mereka adalah melebihi sumber kewangan yang mereka ada (Mustafa & Fikri, 2011). Justeru, banyak agensi daripada kerajaan mahupun bukan kerajaan harus mengambil inisiatif membangunkan kursus berkaitan pengurusan kewangan peribadi yang meliputi pengetahuan berkenaan gelagat kewangan serta pengurusan perbelanjaan yang sesuai untuk diterapkan oleh Institut Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia.

### **3. METODOLOGI KAJIAN**

Kaedah kajian kuantitatif berbentuk tinjauan secara rawak untuk memperoleh data menggunakan instrumen borang soal selidik telah digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini. Borang ini diedarkan kepada 413 orang mahasiswa menerusi *google form* dan disebar menggunakan aplikasi *whatsapp*, telegram dan emel kepada responden namun hanya 310 borang sahaja yang telah berjaya dikumpulkan. Pengkaji mengambil kira populasi seramai 1600 orang yang mana apabila dibundarkan kepada nilai yang terhampir kepada populasi sasaran sebenar (1591), maka saiz sampel responden yang sesuai menurut jadual Krejcie dan Morgan adalah 310 orang mahasiswa.

Intrumen kajian ini berbentuk borang soal selidik yang diolah berdasarkan kajian Norain Mod Asri et al., 2017 yang berkaitan dengan amalan pengurusan kewangan melalui jurnal yang diterbitkan dalam Jurnal Pengguna Malaysia 2017. Terdapat dua bahagian pada set soal selidik iaitu Bahagian A dan B bagi mendapatkan data kajian. Bahagian A mengandungi lima soalan bagi memperoleh maklumat latar belakang responden seperti jantina, umur, tahap pengajian, semester pengajian dan sumber pembiayaan. Bahagian B pula adalah soalan berkaitan dengan amalan pengurusan kewangan dan kesemua soalan berbentuk skala likert iaitu (1) sangat tidak setuju, (2) tidak setuju, (3) tidak pasti, (4) setuju dan (5) sangat setuju. Selain itu, teknik persampelan mudah dilaksanakan dalam kajian ini yang mana data yang diperoleh dianalisis secara deskriptif melalui nilai skor min bagi menjawab objektif kajian.

Kajian rintis dilakukan oleh penyelidik sebelum kajian sebenar dijalankan yang melibatkan 32 orang responden bertujuan untuk mengenal pasti kelemahan instrumen kajian dan tatacara kajian (Fraenkel & Wallen, 2009). Menurut Lay Yoon Fah & Khoo Chwee Hoon (2009), kajian rintis ini boleh membantu dalam penilaian terhadap ketepatan bagi ukuran yang telah dibuat berdasarkan pemilihan instrumen kajian. Nilai cronbach alpha yang diperoleh bagi 32 orang responden sebagai responden awal adalah tinggi iaitu 0.869 berdasarkan Coakes (2005). Selain itu hasil ujian kebolehpercayaan bagi instrumen borang soal selidik juga tinggi iaitu pada nilai cronbach alpha 0.822.

### **4. DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

#### **4.1 Demografi Responden**

Kekerapan dan peratusan responden kajian adalah seperti di Jadual 2 yang melibatkan 310 responden. Hasil kajian mendapati responden perempuan adalah lebih ramai iaitu 188 orang (61%) berbanding lelaki iaitu seramai 122 orang (39%). Mereka yang berumur 22 hingga 23 tahun merupakan kumpulan umur yang tertinggi iaitu seramai 108 orang (35%). Manakala

kumpulan umur yang terendah adalah mereka yang berumur 26 tahun ke atas iaitu seramai 26 orang (8%). Kumpulan kedua tertinggi adalah seramai 91 orang (29%) iaitu pelajar dalam kumpulan umur 24 hingga 25 tahun. Selain itu, seramai 52 orang (17%) adalah mereka yang berumur 20 hingga 21. Seterusnya 33 orang (11%) adalah mereka yang berumur 18 hingga 19 tahun.

Seramai 232 orang (75%) yang sedang mengikuti Program Pengajian Ijazah Sarjana Muda manakala 78 orang (25%) sedang mengikuti Program Pengajian Diploma. Majoriti daripada responden merupakan pelajar yang berada pada semester 7 ke atas iaitu seramai 100 orang (32%). Pelajar semester 5 dan semester 6 hanya seramai 87 orang (28%). Seramai 69 orang (22%) pula adalah pelajar semester 1 dan semester 2. Selebihnya iaitu 54 orang (18%) adalah pelajar semester 3 dan semester 4.

Seramai 167 orang (54%) memperoleh sumber pembiayaan daripada wang pinjaman daripada Perbadanan Tabung Pendidikan Nasional (PTPTN). Seramai 102 orang (33%) pula memperoleh sumber pembiayaan daripada ibu bapa sendiri. Manakala seramai 28 orang (9%) memperoleh sumber pembiayaan pengajian daripada biasiswa. Selain itu, hanya seramai 13 orang (4%) memperoleh lain-lain sumber pembiayaan bagi menampung pengajian mereka.

**Jadual 1: Taburan demografi responden**

<b>Demografi</b>	<b>Kategori</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratusan</b>
Jantina	Lelaki	122	39
	Perempuan	188	61
Umur	18 – 19 tahun	33	11
	20 – 21 tahun	52	17
	22 – 23 tahun	108	35
	24 – 25 tahun	91	29
	26 tahun keatas	26	8
Taraf pengajian	Diploma	75	24
	Ijazah Sarjana Muda	235	76
Semester pengajian	Semester 1 – Semester 2	68	22
	Semester 3 – Semester 4	50	16
	Semester 5 – Semester 6	85	27
	Semester 7 ke atas	107	35
Sumber pembiayaan pengajian	Perbadanan Tabung Pendidikan Malaysia (PTPTN)	167	54
	Biasiswa	28	9
	Ibu bapa	102	33
	Lain-lain	13	4

#### **4.2 Analisis Deskriptif Tahap Amalan Pengurusan Kewangan Dalam KalanganMahasiswa.**

Data yang diperoleh telah dianalisis menerusi skor min bagi menjawab objektif kajian iaitu menilai tahap amalan pengurusan kewangan dalam kalangan mahasiswa prasiswazah UIS. Nilai skor min yang diperoleh adalah seperti di Jadual 3.

**Jadual 2: Nilai Min bagi Tahap Amalan Pengurusan Kewangan dalam kalangan Mahasiswa**

<b>Bil</b>	<b>Item</b>	<b>Min</b>	<b>Tahap</b>
1	Saya membuat akaun simpanan asing di mana akaun itu tidak akan diusik kecuali untuk kecemasan.	3.9710	Tinggi
2	Saya menyimpan setiap resit pembelian untuk mengetahui ke mana wang dibelanjakan.	3.4677	Tinggi
3	Saya mengikuti kursus pengurusan kewangan peribadi sama ada secara offline atau online.	2.8355	Sederhana
4	Saya membuat catatan duit keluar dan masuk supaya dapat mengehadakan perbelanjaan yang tidak perlu.	3.2903	Tinggi
5	Saya membuat simpanan di dalam balang dengan mengasingkan warna wang seperti RM1, RM5, RM20 dan syiling.	2.9000	Sederhana
<b>Jumlah</b>		<b>3.2929</b>	<b>Tinggi</b>

Berdasarkan Jadual 2, lima item telah dikemukakan bagi mengenal pasti tahap amalan pengurusan kewangan dalam kalangan mahasiswa. Skor min yang tertinggi adalah 3.9710 menerusi pernyataan “saya membuat akaun simpanan asing di mana akaun itu tidak akan diusik kecuali untuk kecemasan.” Ini menunjukkan bahawa mahasiswa mempunyai kesedaran untuk menyimpan wang bagi kegunaan kecemasan. Manakala item kedua dan keempat turut memperoleh nilai skor min yang tinggi iaitu 3.4677 dan 3.2903. Selain itu, hasil skor min mendapati terdapat tahap sederhana dalam dua item iaitu item ketiga (2.8355) menerusi pernyataan “saya mengikuti kursus pengurusan kewangan peribadi sama ada secara *offline* atau *online*” dan item kelima (2.9000) dengan pernyataan “saya membuat simpanan di dalam balang dengan mengasingkan warna wang seperti RM1, RM5, RM20 dan syiling”. Nilai purata keseluruhan bagi tahap amalan pengurusan kewangan dalam kalangan mahasiswa prasiswazah UIS adalah pada tahap yang tinggi (3.2929).

## 5. KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, mahasiswa UIS mempunyai tahap amalan pengurusan kewangan yang tinggi dan mereka mampu merancang kewangan dengan baik walaupun masih bergelar pelajar serta tidak mempunyai pendapatan bulanan yang tetap. Mahasiswa disarankan agar sentiasa mempelajari ilmu perancangan kewangan supaya tidak membuat keputusan yang kurang baik apabila tamat pengajian sebelum menceburi alam pekerjaan. Ilmu berkaitan pengurusan kewangan amat penting untuk memastikan kestabilan kewangan yang kukuh demi masa depan mereka. Tambahan lagi, amalan pengurusan kewangan yang baik sejak muda akan membantu mahasiswa membina asas kewangan yang kukuh dan memberi mereka lebih banyak kawalan ke atas kewangan mereka dalam jangka panjang.

## RUJUKAN

- Abdul-Rahman, A., & Zulkifly, W. (2016). Faktor Penentu Pengurusan Kewangan: Kes Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar*, 19(2), 85–94.
- Brigham, E. F., Houston, J. F., Jun-Ming, H., Yoon Kee, K., & Bany-Arifin, A.N. (2014). *Essentials of Financial Management*. 3rd Edition. Cengage learning. Singapore.
- Coakes, J., Sheridan. (2005). SPSS Version 12.0 for Windows. Analysis without anguish. Singapore: CMO Image Printing Price.
- Williams, J. H. (2008). Employee engagement: Improving participation in safety. *Professional Safety*, 53(12), 40-45.
- Jusoh, M & Mohd Noor, Z. (1998). Inflasi dan Ukuran Kos Sara Hidup: Implikasi terhadap Golongan Berpendapatan Rendah. *Malaysian Journal of Consumer and Family Economics I*. Penerbit Persatuan Ekonomi Pengguna dan Keluarga Malaysia, UPM.
- Rubayah, Y., Hawati, J., & Nur Ain, Khamis. (2015). Tahap literasi kewangan dalam kalangan pelajar universiti awam: Kajian di Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar*, 18(1), 75-88.
- Noor A'lim, M.Y. (2005). *Ringgit dan poket*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Sabri, M.F., & MacDonald. (2010). Savings Behavior and Financial Problems Among College Students: The Role of Financial Literacy in Malaysia. *Cross-Cultural Communication*, 6 (3), 103-110.
- Ramli, Z. (2013). Financial Behaviour of Female Teachers in Malaysia Asian. *Social Science* 9(8), 34-41.
- Mohamad Fazli, S., MacDonald, M., Jariah, M., Laily, P., Tahira, K. H. & Mohd Amin, O. (2008). Financial Behavior and Problems among College Students in Malaysia: Research and Education Implication. *Consumer Interests Annual*, 54, 166-170.
- Zuriana, M. & Rosniyati, A. R. (2012). Kajian Persepsi Pelajar Terhadap Impak Kursus Pengurusan Kewangan Peribadi Jabatan Perdagangan. *Politeknik Port Dickson*.
- Moore, Danna (2003), Survey of Financial Literacy in Washington State: Knowledge, Behavior, Attitudes, and Experiences, *Technical Report n. 03-39*, Social and Economic Sciences Research Center, Washington State University.
- Sosooshian, S. & Tan, S.T. (2014). Spending behavior of a case of Asian university students. *Asian Social Science*, 10(2), 64-69.
- Netty Zahura, A.A. (2006). Amalan pengurusan wang di kalangan pelajar Ijazah Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan Kemahiran Hidup Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia. *Universiti Teknologi Malaysia*.
- Nurhafizah, M. & Muhammad, H. (2017). Pengetahuan dan gelagat berbelanja selepas cukai barangan dan perkhidmatan (GST) dilaksanakan. Kajian ke atas mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia. *Seminar Pendidikan Serantau ke VIII*. 1044-1051.
- Mustaffa, W. & Fikri, M. (2011). Kecekapan pengurusan kewangan di kalangan pelajar Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah. *Proceedings Commerce Department Research Colloquium 2011*.
- Fraenkel, J.R. & Wallen, N.E. (2009). *How To Design And Evaluate Research In Education (7th Ed)*. New York. Mcgraw-Hill.
- Norain, M.A., Norlaila, A.B., Iman, A.L. & Suhaila, S. (2017). Status Kewangan dan Tekanan dalam Kalangan Mahasiswa. *Jurnal Pengguna Malaysia* (29), 63-83.
- Lay Yoon Fah & Khoo Chwee Hoon, (2009). *Pengenalan kepada analisis data komputer dengan SPSS 16.0 for windows*, Selangor Darul Ehsan: Venton Publishing (M) Sdn. Bhd.